

16 OCT 2003

Mahathir-Kehadiran/I

M'SIA PUAS HATI DENGAN JUMLAH KEHADIRAN PADA SIDANG KEMUNCAK OIC

PUTRAJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berpuas hati dengan jumlah besar penyertaan negara-negara anggota pada sidang kemuncak ketua negara dan kerajaan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 yang bermula di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata ini jelas mempamerkan keyakinan dan komitmen berterusan mereka terhadap pertubuhan itu yang dibentuk pada 1969.

Ini, katanya, turut mencerminkan hasrat dan keazaman bersama mereka untuk mengukuhkan peranan demi maruah dan kepentingan ummah.

Berucap di hadapan raja-raja, presiden dan perdana menteri dari 57 negara anggota OIC, Dr Mahathir berkata : "Malaysia sungguh berbesar hati diberi penghormatan untuk mengambil alih sebagai pengerusi OIC. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua anggota atas keyakinan mereka terhadap kepimpinan Malaysia."

Perdana Menteri turut mengalu-alukan para pemimpin dan wakil dari banyak negara yang berhasrat menjadi pemerhati pada persidangan itu kerana negara mereka mempunyai sejumlah besar penduduk Islam.

"Sama ada mereka beragama Islam atau tidak, kehadiran mereka akan membantu kefahaman yang lebih baik mengenai Islam dan umat Islam, dengan itu menyangkal tanggapan bahawa Islam sebuah agama yang ketinggalan zaman dan ganas," katanya.

Perhimpunan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) dihadiri 33 ketua negara dan kerajaan manakala negara anggota lain menghantar wakil peringkat tinggi mereka.

Turut menarik perhatian ialah kehadiran Presiden Rusia Vladimir Putin dan Presiden Filipina Gloria Arroyo pada sidang kemuncak itu sebagai tetamu khas tuan rumah, Malaysia.

Berdiri di pentas di Dewan Pleno yang mempunyai kapasiti 3,000 tempat duduk di tingkat paling atas PCC, Dr Mahathir merakamkan penghargaan khas kepada Negara Qatar, terutama Emir Qatar Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani, atas kepimpinan cemerlangnya mengemudi OIC sepanjang tiga tahun lepas.

Aantara pemimpin yang hadir ialah Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Raja Abdullah II Jordan, Perdana Menteri Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Putera Mahkota Arab Saudi Putera Abdullah Abdul Aziz dan Raja Maghribi Mohamed VI.

Aantara presiden yang hadir ialah Abdelaziz Bouteflika dari Algeria, Megawati Sukarnoputri (Indonesia), Mohammad Khatami (Iran), Pervez Musharraf (Pakistan), Bashar Al Assad (Syria) dan Ahmet Necdet Sezer dari Turki.

Iraq, yang kini menjadi tumpuan dunia, diwakili Ketua Majlis Pemerintah sementara negara itu Ayad Allawi.

Ketua Biro Politik Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Farouk Kaddoumi pula mewakili Palestin, sebuah lagi negara Islam yang juga menjadi tumpuan antarabangsa.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata seluruh dunia sedang mengikuti perkembangan OIC yang mempunyai tanggungjawab berat untuk mamastikan kesejahteraan 1.3 juta umat Islam di seluruh dunia.

"Seluruh umat Islam meletakkan harapan pada pemimpin-pemimpin negara Islam pada persidangan ini. Mereka berharap kita tidak akan sekadar meluahkan kekecewaan dan kemarahan kita melalui percakapan dan gaya isyarat; tidak sekadar berdoa memohon rahmat Allah," katanya.

"Mereka mengharapkan kita berbuat sesuatu, untuk bertindak. Kita tidak

mengatakan kita tidak boleh berbuat apa-apa. Kita tidak boleh katakan kita tidak dapat bersatu tatkala agama dan ummah menghadapi kemusnahan," katanya.

Dr Mahathir melahirkan keyakinan para pemimpin OIC akan dapat melakukan sesuatu.

"Kita tahu kita boleh. Banyak perkara yang boleh kita buat. Terdapat banyak sumber yang kita miliki. Apa yang perlu ialah iltizam untuk melakukannya.

"Sebagai orang Islam, kita mesti bersyukur dengan ajaran agama kita, kita perlu buat apa yang perlu, dengan penuh rela dan keazaman.

"Allah (SWT) tidak menempatkan kita, para pemimpin, di atas supaya kita menikmati kuasa untuk diri sendiri," katanya dan disambut tepukan gemuruh.

Dr Mahathir berkata: "Kita gunakan kuasa untuk rakyat, ummah, Islam. Kita perlu mempunyai iltizam untuk menggunakan kuasa dengan adil, cermat dan bersepadu. Insyaallah akhirnya kita akan berjaya."

Terdahulu, Dr Mahathir dan Sheikh Hamad bertukar tempat duduk bagi menandakan pengambilalihan Malaysia sebagai pengerusi OIC daripada Qatar.

Malaysia akan menerajui OIC bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Sidang Kemuncak dua hari itu didahului dengan mesyuarat persediaan peringkat pegawai kanan dan menteri luar.

-- BERNAMA

MAM MKO RHM